



Submission date: 10/11/2023 Accepted date: 10/11/2023 Published: 30/4/2023  
DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol28no1.494>

## **SATU ANALISIS TEMATIK TERHADAP KAEDAH RAWATAN PEMULIHAN DADAH DI MALAYSIA**

*A Thematic Analysis of Drug Rehabilitation Treatment Methods In Malaysia*

Abu Bakar Ahmad Mansor<sup>a1</sup>, Khairiah Mohd Yassin<sup>b2</sup> & Shukri Ahmad<sup>b3</sup>

<sup>abc</sup>Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia

<sup>1</sup>abu\_bakar\_ahmad@ahsgs.uum.edu.my

<sup>2</sup>mykhairiah@uum.edu.my

<sup>3</sup>shuk494@uum.edu.my

### **Abstrak**

Di Malaysia, terdapat pelbagai kaedah yang dilakukan oleh pusat rawatan pemulihan dadah baik daripada pihak kerajaan, persendirian mahupun Pondok Remaja Inabah. Artikel ini membincangkan kaedah yang digunakan oleh kerajaan, pusat rawatan persendirian dan Pondok Remaja Inabah. Kaedah tersebut diteliti berasaskan kepada kajian-kajian lepas dengan menggunakan kaedah analisis tematik melalui perisian Nvivo 12. Hasil menunjukkan

<sup>1</sup>Calon Pascasiswazah di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Islam di Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia.

<sup>2</sup>Pensyarah Kanan di Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Fokus penyelidikan pengkaji ialah bidang Falsafah dan Pemikiran Islam terkhas dalam ruang lingkup pemikiran tokoh tersohor khususnya dalam bidang sains kemanusiaan dan peradaban.

<sup>3</sup>Profesor di Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Fokus penyelidikan pengkaji merangkumi bidang Pemikiran Islam, Falsafah, serta Tasawuf.

pendekatan yang diterapkan oleh agensi-agensi kebanyakan berkonsepkan kaedah Barat kecuali Pondok Remaja Inabah yang menggunakan kaedah Islam sepenuhnya. Penemuan ini dapat menjadi panduan kepada pihak berkepentingan sebagai rujukan dan memperbaiki dasar sedia ada supaya program pemulihan dapat ditambahbaik.

**Kata Kunci:** Pemulihan Dadah, Kaedah Rawatan, Pondok Remaja Inabah, Analisis Tematik

### **Abstract**

In Malaysia, there are various methods carried out by drug rehabilitation treatment centres either through government, private or Pondok Remaja Inabah methods. Therefore, this article was presented with the aim of discussing the methods used by the government, private treatment centres and even Inabah Youth Huts, as well as differences in approaches between the three agencies concerned. Each of these methods is researched based on past studies related to the use of thematic analysis method using the Nvivo 12 software. The results of the thematic analysis show that the approach applied by most agencies is based on the Western method except the Pondok Remaja Inabah agency which uses Islamic methods entirely in drug rehabilitation treatment. Therefore, this thematic analysis approach to some extent facilitates the reader to examine the findings of the study obtained because the findings obtained are reported in graphical form using diagrams. These findings in turn can serve as a guide to stakeholders as well as academics as a reference for knowledge and improvement of existing policies so that rehabilitation programs are continued and improved over time.

**Keywords:** Drug Rehabilitation, Treatment Methods, Pondok Remaja Inabah, Thematic Analysis

### **PENGENALAN**

Isu dadah dalam konteks komuniti di Malaysia pada masa kini semakin hari semakin membimbangkan disebabkan peningkatan statistik kes penagihan saban tahun. Dengan peningkatan statistik akan memberi kesan kepada perkembangan dan pembangunan negara, serta berkurangnya produktiviti disebabkan masalah dadah tersebut. Buktinya, statistik “*Buku Maklumat*

*Dadah 2014 dan 2017*” dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) memperlihatkan gejala ketagihan dadah semakin meningkat bermula tahun 2010 hingga 2017 untuk kes penagihan baru dan berulang (*relapse*), serta 2013 hingga 2017 untuk kes mengikut umur ketika dikesan ([www.adk.gov.my](http://www.adk.gov.my)) sepertimana jadual berikut.

Jadual 1: *Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes, 2010-2017*

Tahun	Penagihan baru		Penagihan berulang		Jumlah keseluruhan	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
2010	17,238	72.91	6,404	27.09	23,642	100.00
2011	13,683	70.06	5,848	29.94	19,531	100.00
2012	10,301	68.21	4,800	31.79	15,101	100.00
2013	14,481	64.54	7,406	35.46	20,887	100.00
2014	13,605	62.47	8,172	37.53	21,777	100.00
2015	20,289	76.08	6,379	23.92	26,668	100.00
2016	22,923	74.32	7,921	25.68	30,844	100.00
2017	18,440	71.14	7,482	28.86	25,922	100.00

(*Buku Maklumat Dadah 2014*, h.10; *Buku Maklumat Dadah 2017*, h.14)

Jadual 2: *Jumlah Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan, 2013-2017*

Tahun	Umur <13	Umur <13-15	Umur <16-19	Umur <20-24	Umur <24-29	Umur <30-34	Umur <35-39	Umur >40	Jumlah Keseluruhan
2013	0 0.00%	18 0.07%	847 4.06%	3,212 15.38%	3,968 19.00%	4,022 19.26%	3,191 15.28%	5,629 26.95%	20,887 100%
2014	0 0.00%	28 0.13%	1,173 5.38%	3,751 17.22%	4,151 19.08%	3,961 18.19%	3,247 14.91%	5,463 25.09%	21,777 100%
2015	0 0.00%	45 0.16%	1,375 5.16%	4,986 18.70%	4,977 18.66%	4,936 18.51%	3,976 14.91%	6,373 23.90%	26,668 100%
2016	0 0.00%	85 0.27%	1,595 5.17%	5,572 18.06%	5,719 18.54%	5,849 18.97%	4,715 15.29%	7,309 23.70%	30,844 100%
2017	0 0.00%	72 0.27%	1,300 5.02%	4,706 18.15%	4,735 18.27%	4,820 18.59%	3,884 14.98%	6,405 24.71%	25,922 100%
Purata 5Thn	0 0.00%	50 0.20%	1,258 4.99%	4,445 17.61%	4,711 18.68%	4,718 18.71%	3,803 15.08%	6,236 24.73%	25,220 100%
Tahun	Remaja			Belia			Dewasa		
2017	694			18,823			6,405		

(Buku Maklumat Dadah 2017, h.17)

Secara asasnya, dadah memberi kesan yang besar kepada penggunanya kerana dadah boleh mempengaruhi akal fikiran dan fizikal seseorang. Ini ditegaskan oleh Dadang (2017), Waryono *et al.*, (2012) dan Muhammad Usman (2008) bahawa penggunaan dadah boleh memberi impak negatif kepada akal fikiran seseorang sehingga berlakunya gangguan dan tekanan jiwa serta tidak mampu mengendalikan diri. Pengaruh terhadap fizikal pula adalah tubuh menjadi letih, kurang kepekaan saraf, kesihatan menjadi tidak stabil, penyimpangan moral, keperibadian, dan hilangnya rasa tanggungjawab (Syarifah *et al.*, 2015 & Rinaldi *et al.*, 1988). Keadaan ini menjelaskan bahawa penggunaan dadah akan mempengaruhi psikologi dan sosial seseorang (Maretha *et al.*, 2017). Selain itu, impak dadah juga boleh menyebabkan penyakit seperti masalah jantung, penyakit berjangkit, kerosakan buah pinggang dan hati, masalah pernafasan, kanser, kefungsi otak abnormal dan kerosakan janin (*National Institute of Drug Abuse*, 2010). Ternyata kesan daripada pengaruh dadah akan membawa kepada masalah psikologi dan mental iaitu berkait rapat dengan jiwa (roh) dan hati (*qalbu*).

Demi meningkatkan kualiti kehidupan golongan seperti ini dan mengurangkan impak penyakit tersebut, strategi untuk merawat individu yang terlibat dengan penyakit kronik seperti penagihan dadah ini perlu sentiasa dilakukan (Nurshuhada *et al.*, 2018). Oleh itu, pihak kerajaan telah menyediakan sejumlah besar kewangan negara bagi menyelesaikan dan mengatasi masalah tersebut. Demi menyelenggarakan dan menyediakan pusat pemulihan di seluruh negara, jutaan ringgit telah dibelanjakan. Anggaran belanja yang telah digunakan oleh AADK pada tahun 2017 adalah sebanyak RM323,731,000 untuk mengurus dan RM33,500,000 untuk pembangunan serta jumlah keseluruhan adalah RM357,231,000 (*Buku Maklumat Dadah*, 2017).

Selanjutnya, terdapat pelbagai kaedah yang diketengahkan oleh kerajaan untuk merawat golongan yang terjerumus dengan penagihan dadah. Antaranya kaedah pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), *Caring Community House* (CCH) dan *Cure & Care Servis Center* (CCSC). Begitu juga di pusat rawatan pemulihan persendirian yang menggunakan pelbagai rawatan dalam mencegah, merawat dan memulihkan penagih dadah. Malahan Pondok Remaja Inabah turut memainkan peranan dalam menyediakan pelbagai program yang bersifat keagamaan dan kerohanian dalam membantu dan

merawat penagih dadah pulih seperti sediakala dan seterusnya dapat mengamalkan kehidupan yang sihat seperti sebelum terjebak dengan dadah itu.

Berdasarkan kepada ulasan di atas, artikel ini akan membincangkan kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh kerajaan, pusat rawatan persendirian dan juga Pondok Remaja Inabah berasaskan kepada kajian lepas yang berkaitan. Selanjutnya, analisis data kajian mengimplemenkan kaedah analisis tematik menggunakan perisian Nvivo 12 dalam menentukan tema-tema dengan bahagian pemaparan data dalam bentuk rajah. Ia bertujuan supaya dapatan kajian ini menjadi panduan kepada pihak terlibat dalam usaha menambahbaik kepada program pemulihan dadah sedia ada.

### **KONSEP PEMULIHAN DADAH**

Pemulihan dadah bermaksud memutuskan pergantungan kepada dadah dan mencegah penagihan semula. Usaha pemulihan penagih dadah adalah berbentuk reformatif di mana para penagih dipulihkan daripada satu keadaan penagihan kepada suatu perwatakan yang bebas daripada pengaruh dadah (Pasukan Petugas Anti Dadah Majlis Keselamatan Negara, 1992 & AADK, 1997). Istilah tersebut juga merujuk kepada proses mengembalikan keadaan penagih agar kembali normal (Mahmood Nazar, 2006). Pemulihan dadah juga merupakan upaya untuk membantu penagih dalam mengatasi ketergantungan terhadap ubat (detoksifikasi) (Dadang, 2017) kerana boleh memberi kesan kepada kesihatan jika diambil dalam tempoh yang panjang.

Di Malaysia, praktisan rawatan dan pemulihan yang diamalkan berbentuk “*Cold Turkey*” iaitu rawatan diberi tanpa penggunaan dadah gantian (Mahmood Nazar *et al.*, 2005 & Mahmood Nazar, 1991). Kaedah detoksifikasi cara *Cold Turkey* adalah berbeza daripada amalan sesetengah negara lain yang memberi ubat-ubatan ataupun dadah gantian kepada penagih-penagih dalam proses rawatan penggantungan fizikal bagi memutuskan sindrom putus dadah (Mahmood Nazar, 2008).

Objektif pemulihan adalah untuk merawat, mencegah dan mengintegrasikan kembali penagih ke dalam masyarakat agar golongan ini bebas dan pulih daripada pergantungan psikososial dan fizikal terhadap dadah supaya menjadi manusia yang produktif dan berguna (Mahmood Nazar, 1995). Selain itu, pemulihan dadah merujuk kepada mengembalikan jati diri para penagih dadah

sehingga dapat hidup secara normal (Dadang, 2017). Matlamat utama pemulihan dadah ialah (i) mengiktiraf bahawa penagihan dadah adalah penyakit biopsikososial, (ii) mengiktiraf bahawa pemulihan mengambil masa yang panjang, (iii) mengembangkan dan menggunakan program *recovery* untuk kepulihan serta diagnosis, dan (iv) memulih masalah psikososial (Rohany *et al.*, 2008).

Secara rangkumannya, dapat difahami bahawa pemulihan dadah adalah sebuah proses untuk memulihkan penagih agar dapat berhenti dari menggunakan dadah secara total, dengan tujuan untuk mengembalikan bekas penagih ke landasan yang benar agar mereka dapat menjadi insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Manakala konsep pemulihan yang diterapkan di Malaysia secara umumnya pula, adalah melalui pendekatan detoksifikasi iaitu pemulihan tanpa memberi dadah gantian.

## **ULASAN KARYA**

Pada bahagian ini akan menjelaskan tentang rawatan pemulihan dadah yang telah diaplikasikan melalui kaedah kerajaan, pusat rawatan pemulihan dadah persendirian dan Pondok Remaja Inabah berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh sarjana dan ahli akademik dalam bidang berkaitan.

### **Kaedah Kerajaan**

Dalam buku Mahmood Nazar *et al.*, (2006) yang bertajuk “*Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia*” telah memerihalkan tentang strategi rawatan dadah dan program pemulihan di penjara. Kajian ini mendapati bahawa terdapat lapan (8) strategi yang diketengahkan sepertimana huraian ringkas berikut.

- 1) Kaunseling individu - mendapatkan maklumat tentang latar belakang banduan.
- 2) Kaunseling kelompok - memberi peluang kepada banduan berkongsi pengalaman, masalah dan perasaan antara sesama mereka.
- 3) Kaunseling keluarga - untuk mendapatkan sokongan antara pesalah, keluarga dan kaunselor.
- 4) Program rohaniah - pendidikan dan pengajaran agama terhadap banduan mengikut agama masing-masing.
- 5) Program latihan fizikal dan riadah - latihan kawad bertujuan pembentukan disiplin diri.

- 6) Program latihan kemahiran - bergantung kepada jenis pekerjaan yang mereka lakukan seperti kerja pertukangan kayu.
- 7) Program rawatan khas - *Therapeutic Community* (TC).
- 8) Program *halaqah* - pengajian dan kefahaman agama Islam.

Khairul Hamimah *et al.* (2012) mengkaji tentang nilai-nilai Islam yang diterapkan serta menganalisis kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam melalui Program Pembangunan Insan di Penjara. Dapatan kajian menunjukkan nilai-nilai Islam seperti dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin telah menjadi keutamaan dalam program ini selain daripada nilai-nilai lain yang seumpamanya. Dengan adanya nilai ini akan dapat membentuk sahsiah peribadi pelatih yang komited, bersungguh-sungguh dan rajin melakukan pembaikan diri, di samping mempunyai matlamat hidup yang baik apabila dibebaskan kelak.

Seterusnya sarjana Md Noor *et al.* (2015) telah menjalankan satu kajian berkaitan intervensi keagamaan terhadap pelatih-pelatih di empat buah *Cure and Care Rehabilitation Center* (CCRC) yang memfokuskan kepada kaedah pemerhatian dan temu bual dengan beberapa orang pelatih, kaunselor dan pegawai agama di empat buah pusat tersebut. Hasil kajian menunjukkan antara intervensi keagamaan yang dilakukan mempunyai tiga (3) bentuk iaitu dalam kelompok besar, kecil dan individu. Kelompok-kelompok ini seterusnya menggunakan pendekatan berteraskan kasih sayang serta hubungan kekeluargaan sebagai pemangkin dalam memperkasakan intervensi keagamaan. Penggunaan pendekatan ini telah banyak memberi impak yang besar secara holistiknya seperti aspek kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap kehidupan para pelatih terlibat.

Manakala Siti Norlina *et al.* (2015) telah mengkaji persepsi penghuni terhadap penilaian keberkesanan program keagamaan dalam membantu kejayaan proses rawatan dan pemulihan penghuni, serta menilai kerelevanan pelaksanaan modul keagamaan di institusi pemulihan untuk diaplikasikan ke institusi pemulihan yang lain. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, temubual dan soal selidik dalam kalangan pelatih, Orang Kena Pengawasan (OKP) dan kakitangan di CCRC Bachok. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa program keagamaan amat penting bagi memastikan keberkesanan pemulihan terhadap pelatih. Kajian ini memberi implikasi kepada penambahan kakitangan



pelaksana aktiviti keagamaan di CCRC serta penambahbaikan modul keagamaan sedia ada.

Selain itu, Siti Jamiaah *et al.* (2016) telah mengkaji peranan program keagamaan terhadap pemulihan konsep sendiri banduan wanita di Penjara Malaysia di mana sebanyak 141 banduan wanita menjadi sampel kajian. Berdasarkan kepada data yang diperolehi dan dianalisis, dapatan kajian menunjukkan program pemulihan melalui pendekatan keagamaan mampu mempengaruhi pembentukan konsep sendiri banduan wanita. Kefahaman agama yang tinggi, kekuatan akidah dan pelaksanaan ibadah dan syariat dapat membantu pembinaan konsep sendiri banduan wanita ke arah yang lebih positif.

Hasnizam *et al.* (2018) telah mengkaji penilaian terhadap program pemulihan yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia ke atas pesalah jenayah yang menjalani hukuman penjara. Kaedah kajian dijalankan dengan merujuk dokumen berkaitan modul pemulihan serta temu bual pakar. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa pembangunan modul pemulihan bagi pesalah jenayah yang menjalani hukuman penjara adalah seimbang dengan mengambil kira aspek pemulihan fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani. Pelaksanaan program pemulihan oleh Jabatan Penjara Malaysia juga dilihat mampu mengubah stigma atau persepsi masyarakat yang beranggapan bahawa penjara merupakan tempat hukuman semata-mata

Selain itu, kajian Christina *et al.* (2019) mengenai keberkesanan program *Methadone Maintenance Therapy* (MMT) antara individu yang bergantung pada opiat (campuran yang diperolehi daripada biji popi berasal dari candu) dalam kehidupan seharian mereka terhadap 100 orang responden dari Klinik Kesihatan Bayan Lepas dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di Telok Bahang. Kaedah kajian menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik. Dapatan kajian membuktikan bahawa MMT telah menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dalam kalangan pelanggan MMT di Klinik Kesihatan Bayan Lepas dan AADK Telok Bahang. Terapi penyelenggaraan metadon berkesan dalam mengurangkan kegunaan heroin, serta meningkatkan fungsi sosial dan gejala psikologi. Pesakit pada terapi penyelenggaraan metadon mempunyai kualiti hidup yang jauh lebih baik dalam semua domain susulan berbanding sebelum menyertai MMT.

## **Pusat Rawatan Pemulihan Dadah Persendirian**

Selanjutnya ialah kupasan rinci kajian-kajian lepas berkaitan pusat rawatan pemulihan dadah persendirian yang dipratikkan. Misalnya, dalam buku Mahmood Nazar *et al.*, (2005) membincangkan tentang program pemulihan dadah secara kerohanian yang dilakukan di Pusat Rawatan Darul Syifa yang juga merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan. Hasil kajian mendapati bahawa ajaran yang diberikan kepada pesakit berdasarkan kitab suci al-Quran dan al-Sunnah. Zikir dan sembahyang juga diajarkan untuk membentuk kekuatan jiwa. Program ini didapati berkesan bagi penagih yang mempunyai dorongan untuk berubah. Selain itu, terdapat juga kaedah lain seperti menggunakan ayat suci al-Quran dan ditulis kepada badan pesakit seperti pada dada dan perut. Pesakit juga diajar agama disebelah petang dan apabila sembuh, pesakit dikehendaki bersumpah di hadapan al-Quran untuk tidak akan kembali mengambil dadah.

Kajian yang dilakukan oleh Fadzli *et al.* (2011) telah menilai beberapa modul tradisional dan tradisi untuk proses pemulihan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Antara modul tradisional yang dikaji adalah Raden Suratman, Darul Syifa, Hj. Salleh Traditional and Spiritual, Jabat Sufi, Christianity Spiritual, Malaysian Association for the Study of Traditional Asian Medicine, Rumah Pengasih dan Pondok Remaja Inabah yang menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan kewujudan modul alternatif ini dianggap sebagai tindak balas terhadap ketidakcekapan pusat-pusat pemulihan yang ada dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani masalah ketagihan dadah. Kebanyakan modul alternatif menggunakan pendekatan Islam, seperti doa, peringatan, taubat, fardhu ain dan kelas al-Quran dalam merawat masalah ketagihan dadah.

Manakala Mohd Rushdan dan Ahmad Bukhari (2015) telah mengkaji berkaitan konsep dan prinsip amalan terapi psikospiritual Islam serta melihat hubungan antara aspek-aspek kerohanian dan jasmani, kognitif dan emosi, teori dan amali dalam pemulihan dan rehabilitasi penagihan dadah. Berdasarkan analisis yang dijalankan menunjukkan Terapi Psikospiritual Islam yang mengabungkan semua aspek rohani dan jasmani manusia melalui usaha, doa dan tawakal yang berterusan mampu merawat masalah diri dan ketidakstabilan jiwa individu. Kejayaan kaedah terapi ini bergantung kepada kesediaan seseorang penagih itu memiliki keadaan kesedaran yang tinggi dalam melakukan penyerahan dirinya

kepada Tuhan yang Maha Berkuasa. Justeru itu, dapatan daripada kajian ini telah mencadangkan bahawa Modul *Therapeutic Community* (TC) yang dilaksanakan oleh pusat-pusat pemulihan perlulah mengembangkan lagi konsep pemulihan menggunakan pendekatan agama.

Muhammad Syamsul (2016) pula telah mengkaji Modul Intervensi Terapi Kognitif Tingkahlaku Singkat (CBT-B). Tujuan kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana keberkesanan modul tersebut terhadap kesediaan untuk berubah dan penghargaan sendiri pelatih-pelatih di Rumah Pengasih, Kuala Lumpur. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah eksperimental yang melibatkan sebanyak 28 responden dalam kumpulan kawalan dan 28 orang responden yang mengikuti intervensi CBT-B dalam kumpulan rawatan telah menjadi sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap kesediaan untuk berubah dan penghargaan sendiri kumpulan kawalan lebih rendah berbanding dengan kumpulan rawatan. Dapatan juga menunjukkan Modul Intervensi CBT-B telah memberi kesan signifikan dalam meningkatkan kesediaan untuk berubah dan membina estim sendiri yang tinggi dalam kalangan pelatih disitu.

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Farah Syazrah *et al.* (2016) tentang tahap kepentingan sokongan keluarga untuk menggalakkan penagih dadah menyelesaikan proses pemulihan di Baitul Cakna, Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah Kumpulan Fokus (FGD) sebagai kaedah pengumpulan data utama dalam kajian ini. Berdasarkan kepada FDG yang dilakukan, analisis menunjukkan responden yang menerima sokongan daripada keluarga mereka semasa proses pemulihan telah mengalami perubahan hubungan positif dengan keluarga masing-masing serta memberi mereka motivasi yang sangat diperlukan untuk pemulihan. Sokongan keluarga perlu disediakan dengan cara yang konsisten bagi memupuk sikap positif untuk pemulihan yang berpotensi.

Dalam kajian yang dilakukan Nurfatina Afza *et al.* (2016) pula telah mengkaji tentang aktiviti program rawatan dan pemulihan dadah di Rumah Pengasih (RP), Kuala Lumpur di mana data kajian diperolehi melalui kaedah pemerhatian dan temu bual terhadap responden yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dadah di pusat tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan rawatan dan pemulihan menggunakan *Therapeutic Community* telah berjaya membantu pelatih dalam proses pemulihan dadah terutamanya

dalam aspek pembentukan semula tingkahlaku dan kemahiran hidup vokasional.

Selain itu, Alia Ashrani *et al.* (2018) telah mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi *relapse* dalam kalangan penagih dadah. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan pengumpulan data hasil kajian lepas yang berkaitan faktor psikososial yang menyumbang kepada penagihan berulang. Analisis menunjukkan faktor psikososial seperti aspek keberkesanan diri, sokongan keluarga, sokongan rakan-rakan dan sokongan masyarakat mempunyai hubungan yang signifikan dengan penagihan berulang. Begitu juga faktor psikologi juga mampu membentuk satu strategi dalam pemulihan penagihan berulang.

Amin Al Haadi *et al.* (2018) telah mengkaji mengenai keberkesanan model kaunseling kerjaya dalam kalangan pelatih pemulihan yang memberi fokus kepada melihat tahap kematangan kerjaya dan lokus kawalan dalam kalangan penghuni yang telah selesai menjalani proses detoksifikasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan tahap kematangan perancangan kerjaya dan lokus kawalan dalam kalangan pelatih selepas intervensi model kaunseling kerjaya telah dikenakan terhadap mereka. Ini menunjukkan bahawa Model Terapi Kerjaya adalah bernilai dalam meningkatkan kapasiti pembangunan kerjaya serta lokus kawalan dalaman.

Seterusnya Khairul Hamimah (2018) telah menjalankan satu kajian berkaitan nilai-nilai Islam yang diterapkan serta menganalisis kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam melalui Program Terapi Komuniti di Rumah Pengasih. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik analisis dokumentasi, temu bual dan pemerhatian digunakan untuk mendapatkan data. Dapatan kajian menunjukkan nilai-nilai seperti dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan dalam program ini selain daripada nilai-nilai lain yang seumpamanya dalam membentuk peribadi penghuni yang komited ke arah pembaikan diri, bersungguh-sungguh, rajin dan mempunyai matlamat yang jelas apabila dibebaskan kelak

Muhammad Khairi (2018) pula mengkaji tentang pemulihan dadah melalui sentuhan Islam berdasarkan al-Qur'an, al-Hadis dan pendapat muktabar ulama.

Hasil kajian mendapati sentuhan Islam dalam pemulihan dan rawatan dadah adalah komprehensif yang merangkumi aspek hati, emosi dan fizikal. Kejayaan pemulihan dadah melalui pendekatan agama bergantung kepada sejauh mana individu yang memegang dan mengamalkan kepercayaan agama sebagai panduan untuk bertahan dalam mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Selain kajian di atas, Nurshuhada *et al.* (2018) turut menjalankan kajian mengenai pengalaman amalan keagamaan yang dilakukan oleh bekas penagih dadah dan perubahan tingkah laku yang membantu mereka bebas dadah di AADK, Madrasah Darul Islah Selangor dan Pondok Inabah Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu teknik pengumpulan data secara temu bual separa berstruktur di mana sebanyak 10 orang bekas penagih dadah yang bebas dadah terlibat dalam kajian ini menjadi sampel kajian. Hasil kajian mendapati faktor kerohanian utama yang menjadi sumber pemulihan membantu bekas penagih dadah pulih adalah amalan melazimi berzikir. Melazimkan berzikir adalah sentiasa mengingati Allah SWT dan hasilnya kebergantungan kepada dadah dapat dihindari. Perubahan tingkah laku berlaku apabila responden melazimi berzikir kerana ia memberi kesan dengan cuba menjauhkan diri daripada golongan penagih dan boleh menerima teguran positif untuk berubah.

### **Pondok Remaja Inabah**

Merujuk kepada kajian lepas berkaitan pusat pemulihan di Pondok Remaja Inabah (PRI), misalnya dilakukan oleh Mohamad Zuki (2006) dalam bukunya yang bertajuk “*Rawatan Penagihan Dadah: Pendekatan Kerohanian Menggunakan Metode Thoriqot Qodiriyyah Wan Naqyabandiyah (TQN)*” telah membincangkan tentang rawatan penagihan dadah. Kajian tersebut telah menganalisis pendekatan kerohanian menggunakan metode TQN di PRI (1) Malaysia. Penulis ini menyatakan program rawatan yang dilaksanakan di PRI (1) Malaysia berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah yang merangkumi talqin dan bai’at, mandi taubat, solat, zikir, kelas fardhu ain dan al-Quran. Beliau turut menegaskan bahawa Inabah juga memiliki tiga objektif, (i) taqarrub terhadap Allah SWT iaitu mendekatkan diri kepada-Nya, (ii) menuju jalan *mardhotillah* iaitu jalan yang diredhai Allah SWT, dan (iii) kemahabbahan (kecintaan) dan kemakrifatan terhadap Allah SWT, iaitu menimbulkan rasa cinta terhadap Allah SWT dan mengenali-Nya. Selain itu juga, pelatih turut dibimbing ke arah taubat dan berusaha mencapai keimanan yang hakiki agar

hidup mereka terarah kepada yang positif dan produktif menurut fitrah yang diciptakan oleh Allah SWT.

Sudirman (2009) pula telah mengkaji mengenai proses kemasukan remaja yang terlibat dengan dadah, proses pemulihan penggunaan dadah dan keberkesanan pemulihan dadah menggunakan pendekatan PRI di PRI (1) Kedah, PRI (2) Terengganu dan kumpulan bekas penagih. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua PRI memiliki tahap keberkesanan yang tinggi sebanyak 66.7%, diikuti tahap keberkesanan yang sederhana 22.3%, dan 10% sahaja yang memiliki tahap keberkesanan rendah. Namun sarjana ini tidak memperinci secara mendalam berkaitan pengamalan TQN serta hanya menjelaskan secara umum kaedah yang digunakan di PRI.

Kajian yang dilakukan oleh Fadzli *et al.* pada tahun (2012) dan (2015) telah melihat kepada kekerapan zikir dan konsistensi ingatan kepada Allah SWT secara *zikir jahar* (keras) dan *zikir khafi* (senyap) dalam kalangan bekas penagih dadah dan sekumpulan penagih yang sedang menjalani proses pemulihan di PRI Kedah dan Terengganu. Seramai 60 responden menjadi sampel dalam kajian ini yang dipecahkan kepada 30 orang bekas penagih dadah di Terengganu dan 30 orang lagi penagih dadah semula jadi yang sedang menjalani proses pemulihan di PRI Kedah dan Terengganu. Pengumpulan data kajian ini dikumpulkan melalui kaedah temu bual berstruktur dan dianalisis menggunakan kaedah triangulasi. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan berhubung frekuensi amalan zikir. Kajian mendapati bahawa kekerapan dan konsisten zikir dalam kalangan bekas penagih dadah lebih tinggi daripada penagih yang berulang. Oleh itu, tahap kekerapan dan konsistensi zikir dianggap sebagai salah satu faktor penyumbang penting untuk memulihkan individu daripada penagihan dadah.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Sabir (2013) telah menilai punca penagihan dan jenis dadah dalam kalangan pelatih PRI, keberkesanan metod rawatan pemulihan, faktor sokongan yang mengukuhkan rawatan pemulihan dan perubahan diri semasa menjalani rawatan pemulihan dadah berasaskan metod PRI di kawasan PRI, Sungai Ikan, Terengganu. Hasil kajian menunjukkan pelatih yang menjalani rawatan asas menyatakan amalan zikir merupakan faktor dominan dalam pemulihan dadah dan diikuti dengan solat dan mandi taubat. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam kalangan

yang menjalani rawatan lanjutan yang menyatakan mandi taubat merupakan kunci segala rawatan, jika mandi taubat ini tidak dilaksanakan maka perbuatan seharian dirasakan tidak sempurna.

Dara Aisyah *et al.* (2013) mengkaji mengenai profil peserta program *Inabah*, pelaksanaan dan keberkesanan pemulihan dan rawatan dadah yang dilaksanakan di kesemua cawangan PRI di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan kerohanian adalah salah satu pemulihan dan rawatan terbaik terhadap penagih dadah, terutama melalui program strategik yang dilaksanakan oleh *Inabah*. Peranan pemurnian jiwa pembangunan manusia dalam masyarakat bertamadun menunjukkan bahawa teori dan amalan yang disarankan oleh ahli Sufi adalah relevan dengan keadaan masyarakat kita, terutama dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah. Berdasarkan kepada dapatan tersebut, cadangan kajian ini telah menyarankan supaya pihak kerajaan, NGO dan masyarakat bekerjasama untuk menjadikan program *Inabah* sebagai usaha membantu merawat penagih.

Selain itu, Selamah *et al.* (2016) pula mengkaji peranan kerohanian dalam memperbaiki penagih dadah. Kajian ini juga mendedahkan makna pengalaman melalui kisah-kisah tiga orang Muslim yang pernah terlibat dengan ketagihan dadah. Kajian dilakukan di PRI (1) Malaysia dan data dikumpulkan menggunakan temuduga mendalam. Hasil kajian menunjukkan bahawa bekas penagih dadah mengalami kecanduan dadah dan proses pembelajaran mereka mesti difahami dalam konteks budaya yang sesuai. Penekanan kerohanian bersama mengenai hubungan dengan Tuhan, diri dan orang lain dapat mempengaruhi dirinya untuk belajar hidup tanpa dadah. Dapatan dari kajian ini juga menggariskan bahawa panduan rawatan terapeutik biasa memberi panduan intervensi penting untuk penagih dadah. Namun rawatan tersebut tidak mencukupi untuk memahami ekspansi dan kelimpahan masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh penagih dadah.

Abdullah *et al.* (2017) pula telah mengkaji kaedah pemulihan mangsa penyalahgunaan dadah, masalah sosial remaja, serta mereka yang mengalami ketidak tenteraman jiwa untuk kembali ke jalan yang benar menurut perintah Allah SWT yang dilaksanakan oleh PRI (1) Malaysia. Hasil kajian mendapati setiap mereka akan menjalani tiga kaedah rawatan utama iaitu mandi taubat, solat dan zikir. Kaedah ini menekankan konsep pembinaan serta bimbingan rohani dan jasmani. Sehingga kini PRI (1) Malaysia telah merawat lebih

daripada 7000 remaja yang bermasalah dan sekitar 70% dengan izin Allah SWT telah berjaya dipulihkan. Hal ini menunjukkan pendekatan kerohanian oleh PRI (1) Malaysia mampu dan terbukti berjaya memulihkan penagih tegar, di samping kejayaan ini boleh dijadikan satu model pemulihan penagih tegar.

## **METOD KAJIAN**

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis tematik yang berasaskan analisis terhadap karya-karya lepas berkaitan dengan agensi-agensi pemulihan dadah di Malaysia. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif, walaupun kurang digunakan di dalam akademia (Roulston, 2010). Walaupun demikian, kaedah ini amat berkesan bagi menganalisa corak dan tema dalam mana-mana sumber rujukan bagi meluaskan lagi ruang penyelidikan dalam bidang pengetahuan yang spesifik. Dalam kajian ini sumber rujukan karya-karya ini diambil daripada pangkalan data di perpustakaan universiti seperti EBSCOHost, Science Direct, Proquest dan Sage. Manakala Google Scholar dan Google Search juga turut digunakan bagi memastikan carian yang lebih meluas dapat dilakukan. Pemilihan karya diambil dari terbitan 2006 hingga 2018 dan kesemua artikel tersebut telah dianalisis secara sistematik menggunakan perisian Nvivo 12 bagi menjawab persoalan yang dibincangkan dalam artikel ini

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada ulasan karya, analisis kandungan yang dijalankan menggunakan bantuan perisian Nvivo 12, analisis *tree nodes* menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan oleh ketiga-tiga agensi dalam pemulihan dadah adalah seperti mana yang ditunjukkan pada Rajah 1 berikut.





Berdasarkan hasil kajian ini dapatlah dibincangkan bahawa pendekatan rawatan pemulihan dadah yang diterapkan oleh pihak kerajaan dan agensi pusat rawatan pemulihan dadah persendirian kebanyakan berkonsepkan kaedah Barat seperti pemulihan dalam penjara, model kaunseling, terapi komuniti (TC), terapi kawalan metadon (MMT), terapi kognitif tingkahlaku singkat (CBT-B), sokongan keluarga, psikososial dan hanya satu kaedah Islam iaitu program keagamaan dan kerohanian. Hal ini jelas menunjukkan pihak kerajaan dan agensi persendirian banyak menekankan rawatan pemulihan dari kaedah Barat, namun ada juga yang menggunakan pendekatan kaedah Islam.

Apabila diteliti secara mendalam agensi Pondok Remaja Inabah dilihat berbeza dengan agensi-agensi lain kerana mengaplikasikan sepenuhnya kaedah Islam iaitu menggunakan program kerohanian dan keagamaan. Pendekatan tersebut berasaskan daripada amalan kerohanian Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah sebagai alternatif rawatan yang merangkumi mandi taubat, solat, zikir, fardhu ain, talqin dan baiat.

Walaupun, ketiga-tiga agensi tersebut (pihak kerajaan, agensi persendirian dan Pondok Remaja Inabah) berbeza dari segi pendekatan pemulihan, namun setiap entity terlibat tetap memainkan peranan yang penting dalam membantu merawat dan memulihkan masalah ketagihan dadah. Tambahan pula, matlamat mereka tetap sama iaitu bertujuan memulihkan penagih dadah semasa menerima rawatan dan mengekalkan kepulihan selepas keluar daripada pusat pemulihan kelak, selain menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat dan negara.

Dalam hal ini adanya perbezaan ketara yang dapat dilihat dari segi pendekatan yang diterapkan oleh ketiga-tiga agensi tersebut iaitu pendekatan kaedah Islam melalui program kerohanian dan keagamaan. Justeru itu, pendekatan tersebut perlulah diterokai luas dan diperhalusi lagi kerana banyak kajian lepas mendapati implikasi positif setelah menggunakan pendekatan kerohanian dan keagamaan. Selari dengan kenyataan Mahmood Nazar *et al.* (2005), Muhammad Soleh (2005) dan Simpson (2003) bahawa pendekatan kerohanian dan keagamaan dilihat memperolehi hasil pemulihan yang memberangsangkan dalam rawatan pemulihan dadah. Pendekatan ini dilihat penting kerana mampu menjadi benteng seseorang daripada melakukan perkara negatif yang merosakkan jati diri dan akhlak (Khadijah *et al.*, 2013), serta mampu mensejahterakan fizikal dan mental agar dapat mengembalikan manusia kepada fitrah kejadiannya (Mohd Kamel, 2011) dan menstabilkan emosi seperti mampu mengawal kemarahan dan lebih bersikap sabar (Abu Bakar, 2019). Pendekatan tersebut terbukti dapat menambahbaik kesihatan spiritual seseorang, selain membantu para penagih pulih sepenuhnya (Abu Bakar, *et al.*, 2020) dan tidak *relaps* (kembali menagih) kerana mereka memiliki keinginan untuk berubah dan matlamat yang jelas selepas tamat rawatan pemulihan melalui pendekatan tersebut (Prabowo *et al.*, 2022). Oleh itu, disamping menggunakan kaedah Barat sebagai alternatif rawatan, kaedah Islam melalui program kerohanian dan keagamaan juga tidak boleh diabaikan serta perlulah ditambahbaik dan diperkasakan lagi dari masa ke masa kerana ia dilihat salah satu kaedah yang berkesan dan relevan pada masa kini.

## KESIMPULAN

Secara rumusnya, kajian ini mendapati bahawa majoriti rawatan pemulihan dadah di bawah kelolaan kerajaan dan persendirian menggunakan kaedah Barat. Namun berbeza dengan Pondok Remaja Inabah yang menggunakan

kaedah berasaskan kerohanian melalui amalan TQN sebagai alternatif rawatan dan pemulihan dadah secara sepenuhnya. Ia dijelaskan melalui kajian lepas berkenaan rawatan dan agensi pemulihan dadah yang ada di Malaysia. Kajian lepas tersebut dianalisis menggunakan analisis tematik dengan bantuan perisian Nvivo 12 sedikit sebanyak memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperoleh dan seterusnya menjadi panduan kepada pihak berkepentingan serta ahli akademik sebagai rujukan untuk menambah pengetahuan dan memperbaiki dasar yang sedia ada supaya program pemulihan diteruskan dan ditambahbaik kaedah pelaksanaannya. Implikasi kajian ini secara fundamentalnya dapat menambahbaik serta mengharmonikan kaedah rawatan pemulihan dadah sedia ada di Malaysia. Hal ini kerana berdasarkan kepada kajian-kajian sebelum ini menunjukkan bahawa sama ada menggunakan pendekatan Barat mahupun kaedah Islam dalam kebanyakan program yang dilaksanakan memberi keberkesanan kepada pemulihan seseorang penagih dadah. Namun aspek pendekatan kaedah Islam melalui program kerohanian dan keagamaan tidak boleh diabaikan apatah lagi dipinggirkan kerana terbukti pada masa kini ia merupakan salah satu alternatif berkesan dan relevan terhadap kesihatan spiritual dan mental seseorang.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Ahmad Mansor. (2019). *Zikir Tarekat Qodiriyah Naqsyabandiyah Dalam Pemulihan Dadah: Kajian Keberkesanan Di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia* (Tesis Sarjana). Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.
- Abu Bakar Ahmad Mansor, Khairiah Mohd Yassin & Shukri Ahmad. (2020). Analysis of Qodiriyah Naqsyabandiyah's Zikir Tariqat as A Therapy for Drug Recovery In Malaysia. *Journal of Critical Reviews*, Vol 7, Issue 8, 2020, ISSN- 2394-5125
- Abdullah Abd Ghani, Selamah Maamor, Ahmad Bashir Aziz, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Norazlina Abd Wahad, Nik Safiah Nik Abdullah & Nor Hanim Elias (2017). Kaedah rawatan penagih tegar dadah melalui pendekatan kerohanian: Kajian kes di Pondok Remaja Inabah (1) Malaysia. *Journal of Advanced Research in Business And Management Studies*, 7 (1), 39-50.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2011). Cure & Care Service Centre (CCSC). *Majalah AADK*. Kajang: AADK.

- Alia Ashrani Azmi, Hussin H., Siti Intan Diyana Ishak & Nur Suriaty Daud@Fahiri. (2018). Drug Addicts: Psychosocial Factor Contributing To Relapse. *MATEC Web of Conferences 150*, 05097 (2018) MUCET 2017.
- Amin Al Haadi Shafie, Nur Fatini Athilah Elias, Nurul Ashikin Ahmat Miskam, Hishamuddin Abdul Wahab, Mohd Khairul Anuar Rahimi, Nurhafizah Mohd Sukor & Siti Nubailah Mohd Yusof. (2018). The Effectiveness Of Career Counselling Model Towards Career Maturity Level And Locus Of Control Among Inmates In Rehabilitation Centers. *International Journal of Business and Social Science*, ISSN 2219-1933, Vol.9, No.1, January 2018.
- Christina Malini, Noor Azizah Abdul Wahab & Ahmad Fuad Shamsuddin. (2019). Effectiveness of Methadone Maintenance Therapy (MMT) and Life Style Improvement among Opiate Dependent Patients Registered. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 17(1) 2019: 51-56.
- Dadang Muliawan (2017). Komunikasi terapeutik korban penyalahgunaan narkoba melalui Tarekat. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, Vol 11 (1), 173-196.
- Dara Aisyah H.M. Ali Puteh, Norizan Abdul Ghani, Ibrahim Mamat, Abdul Manam Mohamad al-Merbawi & M. Sontang Ahmad (2013). Drug Addict Treatment and Rehabilitation Programme at Pondok Inabah, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia (1998-2011). *British Journal of Social Sciences*, ISSN: 2326-4209, Vol.1, No.5, pp37-46, February 2013.
- Fadzli Adam, Wan Ibrahim & Sudirman Abdul Fatah. (2011). Spiritual and Traditional Rehabilitation Modality of Drug Addiction in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol.1, No.14, October 2011.
- Fadzli Adam, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Sudirman Abdul Fatah. (2012). Frequency of Zikir (Remembrance to Allah) In Drug Rehabilitation Process among Malaysia Society. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol.2, No.3, February 2012.
- Fadzli Adam, Wan Ibrahim Bin Wan Ahmad, Marhana Mohammed Anuar & Asyraf Ab Rahman. (2015). Drug Rehabilitation Treatment: The Consistency Practice of Remembrance to Allah (Zikir) Among Drug Addicts In Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, ISSN 2039-2117, Vol.6, No.2, March 2015.

- Farah Syazrah Mohd Ghazalli, Norizan Abdul Ghani, Berhanudin Abdullah, Wan Mohd Yusof Wan Chik & Zulkifli Mohd. (2016). Family Supports From the Perspective of Drug Addicts. *International Conference On Ethics In Governance (ICONEG 2016)*, Advances In Social Science, Education And Humanities Research, Volume 84.
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T' Chiang & Ramalinggam Rajamanickam. (2018). Program Pemulihan Di Dalam Penjara Bagi Pesalah Jenayah: Kajian Di Jabatan Penjara Malaysia, *JUUM*, Special Issue, 72-85.
- Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Salina Nen & Norulhuda Sarnon (2013). Tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan Parol: Ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.8 (2), 1-10.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Fauzi Hamat & Hadenan Towpek. (2012). Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara. *Jurnal Usuluddin*, 35: 99-116.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2018). Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Dan Rawatan Dadah Di Pengasih. *Jurnal Islamiyyat*, 40(2) 2018: 141-149.
- Laporan Dadah*. (1997). Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan. Capaian dari: <http://www.adk.gov.my>
- Mohd Rushdan Mohd Jailani & Ahmad Bukhari Osman. (2015). Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community). *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1991). Usaha Kerajaan Dalam Program Pemulihan Penagihan: Kesan, Cabaran Dan Masalah. *Jurnal Parlimen Malaysia*, 11(1): 44-46.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1995). *Perubahan Psikologikal Dari Aspek Harga Diri, Profail Personaliti Dan Penggunaan Mekanisme Bela Diri Dari Penagih Dadah Yang Mengikuti Program Pemulihan Kerajaan*. (Tesis PhD). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed, Ismail Ishak, Noor Aniza Ishak & Muhamad Dzahir Kasa (2005). *Program pemulihan luar institusi untuk penagihan dadah*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.

- Mahmood Nazar Mohamed. (2006). *Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan Dan Amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2008). *Perubahan Dalam Senario Rawatan Dan Pemulihan Penagihan Dadah: Cabaran Dalam Pengurusan Pemulihan Dadah Di Malaysia Dan Arah Masa Depan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Maretha Astriana, Agus Budiman & Dinda Dwarawati. (2017). Studi Deskriptif Mengenai *Psychological Well-Being* Pada Penyalahgunaan NAPZA Di Inabah 20 Putra Pondok Pesantren Suryalaya Kabupaten Tasikmalaya. *Prosiding Psikologi*, Volume 3, No.2, Tahun 2017, ISSN: 2460-6448.
- Md Noor Saper, Nurul ‘Ain Mohd Daud, Fauziah Hanim Jalal, Misnan Jemali, Ab Aziz Mohd Yatim & Mohd Khairul Azman Ajuhary. (2015). Pendekatan Intervensi Keagamaan Ke Atas Pelatih Pusat Pemulihan Dadah. *Jurnal Bitara Edisi Khas*, Vol.8.
- Mohamad Zuki As Syujak. (2006). Rawatan Penagihan Dadah: Pendekatan Kerohanian Menggunakan Metode Thoriqot Qodiriyyah Wan Naqyabandiyyah (TQN). Dalam Mahmood Nazar Mohamed *et al.*, *Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Kamel Idris (2011). *Mencari kesejahteraan minda, emosi dan fizikal*. Selangor: MKI Publishing.
- Muhammad Khairi Mahyuddin. (2018). Pendekatan Islam Dalam Rawatan Dan Pemulihan Dadah (Narkoba). *Jurnal Ushuluddin Adab Dan Dakwah* (2018) 1 (1), 51-63.
- Muhammad Soleh (2005). *Agama Sebagai Terapi Telaah Menuju Ilmu Kedokteran Holistik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Muhammad Usman Najati. (2008). *The Ultimate Psychology*. Bandung: Pustaka Hidayah.
- National Institute of Drug Abuse. (2010). *Drugs, Brains and Behavior: The Sciences of Addiction*. Capaian dari: <http://www.drugabuse.gov>
- Nurfatin Afza Mohamad Murad, Nobaya Ahmad & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2016). Program Rawatan Dan Pemulihan Dadah Di Pusat Pemulihan Penagihan Dadah, Kuala Lumpur. *Malaysia Journal Of Social Sciences And Humanities*, Volume 1, Issue 3, 14-30.

- Nurshuhada Mohd Sabri, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Norulhuda Sarnon. (2018). Penerokaan Amalan Zikir dan Perubahan Tingkah Laku Dalam Proses Kepulihan Penagihan dalam Kalangan Penagih Bebas Dadah. *E-Bangi Journal of Sciences and Humanities*. Vol.13, No.2 (2018) 141-153, ISSN: 1823-884x.
- Pasukan Petugas Anti Dadah Majlis Keselamatan Negara. (1992). *Dadah Apa Anda Perlu Tahu*. Kuala Lumpur: Delmu (Malaysia) Sdn Bhd.
- Prabowo, H., Afandi, N. A., Dewi, M. P., Marissa, A., Salve, H. R., & Dewi, D. S. E. (2022). After care without Relapse: Case Study Former Drug Dealer after Getting Therapy in Pondok Tetirah Dzikir (PTD). *IJIP: Indonesian Journal of Islamic Psychology*, 4(1), 115-132.
- Rohany Nasir, Fatimah Yusooif, Zainah Ahmad Zamani & Mohd Norahim Mohamed Sani. (2008). *Pengenalan Mengenai Dadah, Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Generasi Muda*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Rinaldi, R. C., Steindler, E. M., Wilford, B. B., & Goodwin, D. (1988). Clarification and Standardization of Substance Abuse Terminology. *JAMA*, 259(4), 555-557.
- Sabir Abdul Ghani (2013). *Perlaksanaan rawatan pemulihan dadah berdasarkan pendekatan Islam di Pondok Remaja Inabah*. Tesis Sarjana. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Selamah Maamor, Abdullah Abdul Ghani, Ahmad Bashir Aziz, Mohd Shahri Ahmad Razimi, Norazlina Abdul Wahab, Nor Hanim Elias & Nik Safiah Nik Abdullah (2016). Spirituality in alternative correctional method on hard core drug addict: Case study of “Anak Bina Inabah”. *Junal Sains Humanika*, Vol 8 (4), 77-82.
- Simpson, D. D (2003). Introduction to 5-Year follow-up treatment outcome studies. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 25 (3), 123-124.
- Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Tamar Jaya Nizar, Mohd Al'ikhsan Ghazali, Akmaliza Abdullah & Azlida Binti Mamat. (2015). Keberkesanan Rawatan Pemulihan Dadah Menggunakan Pendekatan Keagamaan: Kajian Dalam Kalangan Pelatih Wanita Di CCRC Bachok (Kelantan), AADK Besut, AADK Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu (Terengganu). *Jurnal Antidadah Malaysia*, Jilid 9, No. 1, Disember 2015 ISSN 2231-9387.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff & Rozmi Ismail. (2016). Peranan Program Keagamaan Terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Wanita Di Malaysia. *Jurnal Afkar*, Vol.18, Issue 2, (2016): 193-228.

- Sudirman Abdul Fatah. (2009). *Proses Pemulihan Penggunaan Dadah Melalui Pendekatan. Pusat Pemulihan Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu*. (Tesis PhD). Universiti Malaysia Terengganu.
- Syarifah Gustiawati Mukri, A. Rahman Rosyadi & Didin Saefuddin (2015). Metode Pendidikan Islam dalam penanggulangan penyalahgunaan narkoba bagi remaja di Pondok Remaja Inabah Suryalaya Tasikmalaya. *International Journal of Islamic Education Ta'dibuna*, Vol.4, 1.